

SULIT

**LOGO
SEKOLAH**

**NAMA
SEKOLAH**

MODUL PINTAS SPM 2023

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan

1103/2 (PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

MARKAH PENUH: 100 MARKAH**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **11** markah

Soalan 4: **4** markah

Soalan 5: **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata hubung yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata hubung tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata hubung telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
11. Calon menukarkan imbuhan / menambahkan imbuhan berikan 0 markah.
12. Calon menggandakan perkataan yang diuji – terima.

Soalan 1 – Morfologi**Empat kata hubung**

- i. yang
- ii. dan
- iii. atau
- iv. sehingga
- v. untuk
- vi. agar

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

Tukarkan **ayat pasif** yang bergaris di bawah ini kepada **ayat aktif**

- i. Seseorang perlu melakukan senaman jika ingin meningkatkan kecergasan jantung.
- ii. Anda perlu memilih tempoh masa sesuatu senaman berdasarkan bebanan setiap senaman itu.
- iii. Pertubuhan Kesihatan Sedunia menyarankan jangka masa yang sesuai adalah selama 30 minit.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 - Penyuntingan**Bahan 1**

- | | | |
|--|---|--------------------------------------|
| 1. Menggubah | – | menggubah (imbuhan) |
| 2. bahan semula jadi-bahan semula jadi | – | bahan-bahan semula jadi (tatabahasa) |
| 3. mengepos | – | menghantar / mengirim (istilah) |
| 4. tips | – | tip (ejaan) |
| 5. Alumnum | – | Aluminium (ejaan) |
| 6. beli | – | membeli (imbuhan) |

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

- | | | |
|-------------|---|-------------------------------|
| 1. gagah | – | gah (istilah) |
| 2. lapuran | – | laporan (ejaan) |
| 3. hasilan | – | penghasilan (imbuhan) |
| 4. tiap | – | tiap-tiap/setiap (tatabahasa) |
| 5. di | – | pada (tatabahasa) |
| 6. akuartik | – | akuatik (ejaan) |

[Maksimum : 5 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
-Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
-Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
-Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
-Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
-Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
-Ayat disalin bulat-bulat	0
-Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Tidak dijawab oleh Tun Perak pertanyaan / kata-kata itu. Sekali lagi Seri Amerta bertanya, namun tidak dijawab oleh Tun Perak. Cukup tiga kali Seri Amerta bertanya, barulah dijawab oleh Tun Perak, katanya, “Wahai Seri Amerta, tuan hamba dengan sebilah pedang tuan hamba itu, hendaklah tuan hamba jaga dengan baik, jangan dibiarkan berkarat, jangan dibiarkan matanya tumpul.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Isi tempat-tempat kosong

1. Seperti isi dengan kuku / bagai dakwat dengan kertas / bagai lesung dengan antan / ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni / ke bukit sama didaki ke laut sama direnangi
2. Buah mulut
3. Laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tak ditimpa hujan / tak ada laut yang tidak berombak / sedangkan lidah lagi tergigit

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : 12 markah

Soalan 7 : 13 markah

Soalan 8 : 10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	0
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6**Markah****(i) Maksud**

- menyerlahkan / menampakkan / mempamerkan / memperlihatkan tugas / fungsi 2
- menonjolkan tugas / fungsi 1
- menyerlahkan / menampakkan / mempamerkan / memperlihatkan peranan 1

(ii) Faktor- faktor**Bahan 1**

P1 proses alih bahasa

P2 paparan keunikan adat dan budaya tempatan

Bahan 2

P1 melakukan penyelidikan lebih mendalam

P2 menjalinkan kerjasama dengan syarikat rakaman

Nota : jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Ciri-ciri**

P1 gambar / visual berwarna-warni

P2 visual yang dramatik / realistik

P3 berkaitan watak kegemaran / hero / binatang

P4 teknologi terkini / moden / canggih / interaktif

P5 ada unsur pengajaran / nilai-nilai murni

P6 berkaitan pendidikan / pelajaran / sekolah

P7 bahasa yang diguna banyak orang / mudah difahami / dwibahasa

P8 mempunyai sari kata / terjemahan

Nota : ciri-ciri lain boleh diterima sekiranya sesuai**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup: 2 isi]****(iv) Langkah-langkah**

P1 menasihati / melarang menonton animasi yang tidak sesuai

P2 menghadkan waktu menonton animasi

P3 menonton bersama-sama / memantau

P4 mencadangkan / menyenaraikan animasi yang sesuai ditonton

P5 menyekat akses siaran / tayangan animasi yang ditonton

Nota : langkah-langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]**

Soalan 7	Markah
(i) Maksud	
- Tetap sesuai / sepadan	2
- Kekal sesuai / sepadan	1
- Tetap harmoni	1
(ii) Tanggungjawab-tanggungjawab	
Bahan 1	
P1 mengangkat pakaiannya di ampai	
P2 menyiramkan pokok-pokok bunga	
P3 mengawasi rumah jirannya	
Bahan 2	
P1 janganlah dihapus sikap prihatin	
P2 tolong-menolong kita kekalkan	
P3 bersatu-padu perlu diamalkan	
P4 hidup berjiran harus muafakat	
Nota : jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan	[Maksimum : 3 markah]
	[Isi cukup : 2 isi]
(iii) Halangan-halangan	
P1 sikap mementingkan diri sendiri/individualistik	
P2 kempen yang dijalankan kurang berkesan/tiada kesedaran	
P3 kesibukan dalam pekerjaan	
P4 masyarakat yang terlalu asyik menggunakan teknologi/ gaya hidup moden	
P5 sentimen perkauman	
P6 jurang sosioekonomi	
Nota : halangan lain boleh diterima sekiranya sesuai	[Maksimum : 4 markah]
	[Isi cukup : 3 isi]
(iv) Cadangan-cadangan	
P1 mewara-warkan/uar-uarkan melalui media massa/ media sosial/poster	
P2 menyediakan makanan dan minuman	
P3 menyediakan cenderamata/sijil penghargaan/cabutan bertuah	
P4 pertandingan kebersihan mengikut kawasan	
P5 menjemput selebriti/pempengaruh/tokoh popular	
Nota : cadangan-cadangan lain boleh diterima sekiranya sesuai	[Maksimum 4 markah]
	[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8**(i) Ciri-ciri**

- P1 Kereta yang berenjin petrol
- P2 bermotor elektrik
- P3 Enjin yang bersaiz kecil
- P4 Bentuk kereta yang aerodinamik
- P5 penjimatan tenaga

[Maksimum : 4 markah]
[isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)**(ii) Soalan novel : 6 markah**

- (a) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]

PANTAI KASIH karya Azmah Nordin

1. **Peristiwa Doktor Raiha dan beberapa orang doktor lain di PRPK bekerjasama melakukan pembedahan kali keenam ke atas Unong Siron agar pembedahan tersebut berjaya.**
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang doktor menyelamatkan nyawa pesakitnya.
2. **Peristiwa ibu Unong Siron berusaha memujuk pemuda yang menyamar sebagai doktor di PRPK, demi menyelamatkan Felicia Landosi yang ditahan oleh pemuda tersebut.**
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap berani berhadapan risiko demi keselamatan orang lain.
3. **Peristiwa Doktor Raiha menegur Felicia Landosi dengan cara yang berhemah apabila Felicia Landosi melayani ibu Unong Siron dengan kasar sebaliknya melayani mesra pesakit yang bergelar datin.**
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap berani menasihati / menegur kesilapan orang lain.
5. **Peristiwa isteri Doktor Uwang yang jelita tidak mahu menggaji pembantu rumah di banglonya yang besar bak istana itu.**
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap baik seorang isteri yang mahu mengurus sendiri rumah tangganya.
6. **Peristiwa Doktor Raiha pernah menumpangkan Felicia Landosi balik ke rumahnya di Inanam sebelum Felicia memiliki kereta sendiri.**
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap saling membantu sesama manusia.
7. **Peristiwa Doktor Raiha melayani Unong Siron dan ibunya dengan begitu sopan dan berbudi bahasa semasa merawat Unong Siron di PRPK.**
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap berbudi bahasa terhadap orang lain.
8. **Peristiwa beberapa orang pembantu PRPK berusaha menyelamatkan Doktor Uwang yang mengalami kemalangan melanggar tembok garaj PRPK.**
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap tanggungjawab menyelamatkan nyawa orang lain.
9. **Peristiwa Doktor Raiha memaafkan kesalahan Felicia Landosi yang merahsiakan punca kematian Rohayu.**
Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap memaafkan kesalahan orang lain.
10. **Peristiwa Felicia berani mengakui kesalahannya terlibat dalam kebakaran kereta yang mengorbankan nyawa Rohayu.**
Huraian: Peristiwa ini menunjukkan sikap berani mengakui kesalahan.

BIMASAKTI MENARI karya Sri Rahayu Mohd Yusop

1. **Peristiwa Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik berusaha untuk mengembalikan langit gelap Kuala Selangor dengan mengadakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor.**

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap gigih untuk melestarikan alam sekitar.

2. **Peristiwa Nurul Hafsa yang mahu membina stor menyimpan peralatan kebun ayahnya apabila memperoleh gaji.**

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap prihatin seorang anak terhadap ayah.

3. **Peristiwa Tan Sri Muhaimin memandu keretanya sendiri kerana beliau berasa kasihan melihat pemandunya, Sobirin kelihatan letih menunggu ketibaannya di lapangan terbang.**

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap prihatin seorang majikan terhadap pekerja.

4. **Peristiwa Budiman menemani Nurul Hafsa mengumpul data kelip-kelip pada waktu tengah malam apabila Muhammad Taufik terlantar di hospital.**

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap tanggungjawab / kasih sayang seorang abang memastikan keselamatan diri adik.

5. **Peristiwa pemandu van sekolah yang membawa Nurul Hafsa ke balai polis Bestari Jaya setelah ditinggalkan oleh penculik.**

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap suka membantu orang yang dalam kesusahan.

6. **Peristiwa penduduk kampung telah memberikan maklumat tentang aktiviti bukan perladangan di sebuah ladang kelapa sawit di pedalaman Bestari Jaya kepada pihak polis.**

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan sikap tanggungjawab / prihatin menumpaskan jenayah

Nota : Cadangan isi lain boleh diterima sekiranya sesuai.

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 markah]****Soalan 9**Markah penuh **30** dibahagikan kepada :

- (a) Isi : **20 markah**
 (b) Bahasa : **10 markah**

(a) Isi [20 markah]**Nota :**

- (i) Panduan mengira perkataan
- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya satu isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi sahaja.

Bahagian	Bilangan isi	Markah Maksimum			
(i)Pendahuluan					2
(ii) Bahan 1					16
Fokus 1 (Punca)	4	4	3	2	
Fokus 2 (Langkah)	3	2	2	2	
(iii) (Bahan 2					
Fokus 1 (Punca)	2	1	1	2	
(iv) Bahan 3					
Fokus 2 (Langkah)	3	1	2	2	
Jumlah isi	12	8	8	8	
(iv) Kesimpulan					2
					20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik. • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat baik. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Pengolahan menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik. • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu. • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan <i>kurang</i> tepat. • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan <i>kurang</i> berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi **7 markah ke atas**, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- (iii) Jika markah isi **6 markah ke bawah** tetapi *bahasa sangat baik*, markah **maksimum bahasa ialah 5**.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan berikan 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

P1	membincangkan punca / faktor / sebab peningkatan obesiti dan langkah / cara / usaha menangani obesiti kanak-kanak.	2
P2	membincangkan punca / faktor / sebab peningkatan obesiti kanak-kanak.	1
P3	membincangkan langkah / cara / usaha menangani obesiti kanak-kanak.	1

Isi [16 markah]**FOKUS 1 : Punca / faktor / sebab peningkatan obesiti kanak-kanak.****Bahan 1**

A1	gaya hidup yang tidak aktif dan pengambilan makanan tidak seimbang	2
A2	makan dengan kerap dalam kuantiti yang banyak dalam sehari.	2
A3	gemar mengambil makanan ringan yang tidak sihat serta tinggi kandungan lemak	2
A4	kemungkinan disebabkan oleh genetik jika obesiti kanak-kanak bermula pada usia lebih muda.	2

Bahan 2

C1	menjadikan makanan segera sebagai pilihan	2
C2	melebihkan garam dan gula dalam makanan	2

FOKUS 2 : Langkah / cara / usaha menangani obesiti kanak-kanak.**Bahan 1**

B1	Ibu bapa perlulah menekankan amalan diet yang sihat dengan meningkatkan pengambilan sayur-sayuran serta buah-buahan kepada anak-anak.	2
B2	Kanak-kanak disyorkan bersenam sekurang-kurangnya 45 hingga 60 minit setiap hari	2
B3	Pakar mengesyorkan kawalan saiz hidangan iaitu dengan mengamalkan konsep suku-suku-separuh.	2

Bahan 3

D1	sokongan daripada ahli keluarga dan rakan-rakan	2
D2	Ibu bapa memastikan anak mendapat tidur yang mencukupi pada setiap malam	2

Kesimpulan [2 markah]

K1	Kesimpulannya, obesiti dalam kalangan kanak-kanak perlulah ditangani agar kualiti kesihatan masyarakat meningkat.	2
K2	Kesimpulannya, obesiti dalam kalangan kanak-kanak perlulah ditangani.	1

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT